

DYSOLVON SYRUP (RASPBERRY)

Bromhexine Hydrochloride (4 mg/5 ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dysolvon Syrup (Raspberry)
2. Bagaimana Dysolvon Syrup (Raspberry) berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dysolvon Syrup (Raspberry)
4. Cara menggunakan Dysolvon Syrup (Raspberry)
5. Semasa menggunakan Dysolvon Syrup (Raspberry)
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dysolvon Syrup (Raspberry)
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dysolvon Syrup (Raspberry)

Bertindak terhadap keradangan saluran pernafasan dan keadaan pernafasan lain-lain untuk membantu penyingkiran kahak atau lendir.

Bagaimana Dysolvon Syrup (Raspberry) berfungsi

Bromhexine Hydrochloride telah dilaporkan mengubah struktur rembesan saluran pernafasan, meningkatkan isipadu dan mengurangkan kelikatan kahak atau lendir.

Sebelum menggunakan Dysolvon Syrup (Raspberry)

- Bila tidak boleh menggunakan
Anda hipersensitif kepada Bromhexine atau bahan-bahan lain di dalam formulasi.

- Sebelum mula menggunakan Dysolvon Syrup (Raspberry)

Mengandung dan menyusukan anak
Perhatian mengenai penggunaan ubat semasa mengandung harus diamalkan. Bromhexine perlu dielakkan semasa menyusukan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dysolvon Syrup (Raspberry)

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil antibiotik (Amoxicillin, Cefuroxime, Erythromycin atau Doxycycline) dan ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari

farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Dysolvon Syrup (Raspberry)

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 hingga 4 sudu teh (10 ml – 20 ml), 3 kali sehari.

Kanak-kanak di bawah 5 tahun: 1 sudu teh (5 ml), dua kali sehari.

Kanak-kanak 5 hingga 10 tahun: 1 sudu teh (5 ml), empat kali sehari.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dysolvon Syrup (Raspberry) untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada laporan berkaitan dengan terlebih dos.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Dysolvon Syrup (Raspberry)

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang

menggunakan Dysolvon Syrup (Raspberry).

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dysolvon Syrup (Raspberry) kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Bromhexine perlu diberi dengan berhati-hati kepada individu yang mempunyai ulser perut.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan gastro-usus boleh berlaku sesekali dengan peningkatan sementara enzim hati transaminase dalam darah telah dilaporkan.

Dysolvon Syrup (Raspberry) boleh menyebabkan alergi yang teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan ubat ini dan minta bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom-simptom berikut:

- 1) Alergi yang teruk: susah bernafas, pening, bengkak kulit atau ruam.
- 2) Reaksi kulit yang teruk: kulit kemerah-merahan, melepuh, ruam, demam, sakit tekak atau iritasi mata.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers → Reporting → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Dysolvon Syrup (Raspberry)

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak. Lindungi daripada cahaya. Jangan simpan melebihi 30°C. Pastikan bekas ditutup rapat.

DYSOLVON SYRUP (RASPBERRY)

Bromhexine Hydrochloride (4 mg/5 ml)

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berperisa raspberi yang tidak berwarna.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bromhexine Hydrochloride

- Bahan-bahan tidak aktif

Propylene Glycol, Raspberry Flavour, Menthol Crystals, Purified Water, Sugar, Citric Acid Anhydrous, Rhodigel (Xanthan Gum) & Sodium Benzoate

- Nombor MAL

MAL07091035XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru
5, Kawasan Perusahaan Perai 3,
13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

05/03/2025

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)251018/00307